

## FORMULA UNIT SYER

Unit syer bagi petak ialah keluasan petak didarabkan dengan faktor pemberat bagi jenis petak dan faktor pemberat bagi petak lantai keseluruhan. Bagi petak aksesori, sekiranya ada, keluasan petak aksesori didarabkan dengan faktor pemberat bagi petak aksesori.

Sekiranya terdapat lebih daripada satu petak aksesori, pengiraan formula hendaklah terpakai bagi setiap petak aksesori dan kemudiannya hendaklah ditambahkan. Kedua-dua nilai bagi petak dan petak aksesori hendaklah ditambahkan bagi mendapatkan jumlah unit syer.

Formula pengiraan di atas adalah seperti yang berikut:

$$\text{Unit syer bagi petak} = (A \times F_1 \times F_2) + (B \times F_3)$$

$$\text{Unit syer bagi petak tanah} = (A \times 0.8) + (B \times F_3)$$

iaitu,

- (a) A ialah keluasan petak;
- (b) B ialah keluasan petak aksesori;
- (c)  $F_1$  ialah pemberat bagi jenis petak seperti di Jadual A;
- (d)  $F_2$  ialah pemberat bagi petak lantai keseluruhan seperti di Jadual B; dan
- (e)  $F_3$  ialah pemberat bagi petak aksesori seperti di Jadual C.

**Jadual A - Jenis petak**

BIL.	JENIS PETAK	TANPA PENYAMAN UDARA BERPUSAT KEPADA HARTA BERSAMA		DENGAN PENYAMAN UDARA BERPUSAT KEPADA HARTA BERSAMA	
		ADA KEMUDAHAN LIF/ESKALAT OR UMUM	TIADA KEMUDAHAN LIF/ESKALAT OR UMUM	ADA KEMUDAHAN LIF/ESKALAT OR UMUM	TIADA KEMUDAHAN LIF/ESKALAT OR UMUM
1.	Pangsapuri/ Pejabat Kecil Pejabat Rumah (SOHO)	1.00	0.85	1.30	1.15
2.	Kompleks pejabat/ Institusi (Kolej)	1.00	0.85	1.30	1.15
3.	Kompleks Runcit	2.00	1.70	3.20	2.90
4.	Kompleks hotel/Kompleks pusat Perubatan	2.20	1.90	2.80	2.45
5.	Kompleks industri	1.00	0.85	1.45	1.30
6.	Tempat letak kendaraan (keseluruhan lantai)	0.75	0.65	0.85	0.75
7.	Kedai-rumah, kedai-pangsapuri, kedai-pejabat (dua dan lebih tingkat) <i>(a)</i> aras atas <i>(b)</i> aras bawah	1.00 0.85	0.85 0.85	1.30 1.15	1.15 1.15
8.	Petak Tanah	0.80			

**Jadual B - Petak lantai keseluruhan**

<b>BIL.</b>	<b>PETAK</b>	<b>F<sub>2</sub></b>	<b>ASAS</b>
1.	Petak lantai keseluruhan tidak termasuk kawasan teras pengangkutan menegak (lif atau eskalator) atau ruang lantai yang mempunyai keluasan 1,000 hingga 3,000 kps	0.85	Bagi keseluruhan lantai tidak termasuk teras pengangkutan menegak
2.	Petak lantai keseluruhan termasuk kawasan teras pengangkutan menegak (lif atau eskalator) atau petak dengan ruang lantai yang mempunyai keluasan 3,000 kps ke atas	0.80	Bagi keseluruhan lantai termasuk teras pengangkutan menegak
3.	Bukan petak lantai keseluruhan yang mempunyai keluasan kurang daripada 1,000 kps	1	Tidak berkaitan

**Jadual C - Petak aksesori**

<b>BIL.</b>	<b>PETAK AKSESORI</b>	<b>F<sub>3</sub></b>	<b>ASAS</b>
1.	Di luar bangunan	0.25	Untuk menggambarkan suatu kawasan terbuka atau tertutup yang tidak didiami di luar bangunan
2.	Di dalam bangunan	0.50	Untuk menggambarkan suatu kawasan terbuka atau tertutup yang tidak didiami di dalam bangunan

Nota:

- i. keluasan adalah dinyatakan dalam meter persegi.
- ii. Jadual A dibezakan dengan kemudahan lif atau eskalator untuk kegunaan bersama dengan kemudahan penyaman udara berpusat yang merupakan harta bersama.
- iii. Jadual B tidak terpakai kepada jenis petak kedai-rumah, kedai-pangsapuri, kedai-pejabat dan dupleks (setiap petak terdiri daripada dua tingkat).
- iv. unit syer hendaklah dinyatakan sebagai suatu nombor bulat dan apa-apa pecahan atau perpuluhan hendaklah dibulatkan kepada nombor bulat yang terdekat (contoh:  $109.4=109$ ,  $146.8=147$ ,  $82.5=83$ ).